

TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World 8 (2015): 63–95

Mahar dan Nafkah sebagai Hak Pemilikan Harta Wanita dalam Konteks Kesaksamaan Gender

Abdul Bari bin Awang *

bariawang@gmail. com

Amilah binti Awang Abd Rahman **

amilahawang@gmail. com

Abstract

Of late, gender equity, in the sense of justice applicable to both men and women, has become a hotly debated issue. As one of the world's major religions, Islam's position on the issue has also been subject of scrutiny and unfortunately, on several occasions, has been viewed with suspicions and seen as unbalanced. Islam is often regarded as a religion that prioritises men over women; men seem to possess more rights not only in such cases as polygamy and marital divorce but also in the possession of wealth through inheritance. This article attempts to provide a balanced view on the aforementioned issue by exploring the rights of women as stipulated in Islam,

-
- * Ph.D., Assistant Professor, Department of Fiqh and Usul Fiqh, Kuliiyah of Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia. In co-authoring the article, apart from discussing the position of women from the *fiqh* perspective, he provided the critical analysis on *mahr* and *nafaqah* issues which constitutes the main aim of this article.
 - ** Ph.D., also Assistant Professor at the aforementioned department. As its co-author, she not only prepared the discussion framework but also furnished inputs and analyses on the meaning of justice in Islam, the position of men and women in general, as well as the development of current thoughts regarding women's position in Islam.

Abdul Bari & Amilah / TAFHIM 8 (2015): 63–95

especially the rights of wealth possession (*huqūq māliyyah*) in the family as an institution. In general, the article examines whether or not the existing rights of women render them on a par with men in regard to wealth possession. Specifically, this article addresses issues of dowry (*mahr*) and maintenance (*nafaqah*), as well as their impacts in elevating women's position. Being an analysis based on primary sources of Islam, namely, the Qur'ān, the sunnah of the Prophet, as well as classical scholars' discussions, the article concludes that, as far as Islam is concerned, gender equity is indeed realisable on the conditions that women's rights in Islam are well understood and sincerely fulfilled by all parties involved.

Keywords

Gender equity, rights of wealth possession, women, *mahr*, *nafaqah*, maintenance.

Pendahuluan

Penentuan hak manusia amat penting dan serius sebagai asas kepada pelaksanaan tanggungjawab dalam kehidupan seharian. Tidak dapat dinafikan, penentuan hak asasi manusia cuba digarap oleh semua sistem kehidupan, sama ada yang berasaskan falsafah ataupun agama. Agama Islam sebagai agama sejagat juga mempunyai struktur dan susun-atur tertentu yang menempatkan setiap individu pada kedudukan yang sesuai. Pada masa yang sama, Islam menjadikan keadilan sebagai asas utama setiap sudut kehidupan. Segala hubungan antara individu yang berbeza jantina, umur, status dan kedudukan mestilah berasaskan keadilan. Keadilan, menurut Islam, masih boleh terlaksana dengan baik meskipun manusia mempunyai kedudukan yang berbeza-beza dalam kehidupan.

Namun, akhir-akhir ini, bersama-sama dengan arus pemodenan, semakin banyak perbincangan cuba mempertikaikan hak-hak yang disyariatkan oleh Islam.

Mahar dan Nafkah sebagai Hak Pemilikan Harta Wanita

Kesaksamaan gender telah menjadi tajuk utama dalam perbincangan yang melibatkan hak asasi manusia. Banyak penulisan telah dihasilkan untuk menekankan peranan Islam dalam memberikan hak yang sepatutnya kepada wanita, sekaligus menyatakan bahawa apa sahaja permasalahan yang wujud dalam masyarakat Islam berkaitan penindasan ke atas wanita adalah satu keadaan yang tidak adil terhadap kaum itu. Ramai yang berpendapat bahawa kedudukan wanita perlu lebih diperkasakan dalam masyarakat supaya kaum ini tidak lagi ditindas. Ada pula dalam kalangan mereka yang melihat perjuangan kesamarataan hak antara lelaki dengan wanita sebagai satu-satunya cara untuk menjamin kesejahteraan wanita. Antara nama-nama yang memperjuangkan pemerkasaan kedudukan wanita adalah tokoh-tokoh Muslim liberal di Indonesia seperti Siti Musdah Mulia,¹ Maria Ulfa Anshar,² dan Farha Ciciek³ yang secara umumnya memperjuangkan hak-hak wanita—yang pada pandangan mereka belum mendapat pembelaan sewajarnya—melalui tema emansipasi wanita. Beberapa tokoh antarabangsa lain seperti Amina Wadud⁴ dan Riffat Hassan⁵ dilihat mewarnai

-
1. Antara karya-karya beliau mengenai hak-hak wanita adalah *Poligami dalam Pandangan Islam* (2000), dan *Kesetaraan dan Keadilan Gender (Perspektif Islam)* (2001).
 2. Antara kajian beliau tentang pembebasan wanita yang diketahui umum adalah bersangkutan saranan agar wanita diberikan ruang untuk menggugurkan janin.
 3. Seorang aktivis yang memperjuangkan kebebasan sosial wanita dan merupakan pengasas dan pengurus kepada sebuah organisasi wanita yang dinamakan RAHIMA. RAHIMA aktif mengadakan pelbagai program, termasuk di pesantren-pesantren, dan menerbitkan penerbitan berjadual, antaranya, *Swara Rahima*.
 4. Seorang warga Dunia Akademia Barat yang pernah menimbulkan kontroversi apabila secara terbuka mengimamkan solat. Antara karya-karya beliau berkenaan hak-hak wanita adalah *Qur'an and Woman: Rereading the Sacred Text from Woman's Perspective* (1999) dan *Inside the Gender Jihad: Women's Reform in Islam* (2006).
 5. Sebagai seorang yang sangat aktif dalam penerbitan, karya-karya beliau berkenaan perkahwinan dan hak-hak wanita berjumlah lebih daripada 40 judul, antaranya: “Woman and Man's 'fall': A Qur'anic Theological Perspective” dalam *Muslima Theology: The Voices of Muslim Women Theologians* (2013), dapat dimuat turun daripada <http://>

Abdul Bari & Amilah / TAFHIM 8 (2015): 63–95

persada kesamarataan hak wanita dengan lelaki dalam Islam dan menyeru kepada pentafsiran semula terhadap pemahaman ini berdasarkan rujukan yang sah. Tidak ketinggalan juga tokoh tempatan seperti Zainah Anwar⁶ dan Nik Noriani Nik Badlishah⁷ yang mengetengahkan reformasi yang patut dilakukan, terutamanya dalam perundangan yang membabitkan hal-ehwal kekeluargaan. Golongan ini mengkritik beberapa amalan yang dibenarkan dalam Islam yang seolah-olah memberi layanan yang berat sebelah, yakni, memberi hak yang lebih kepada lelaki. Antara hak-hak yang terlibat adalah hak berpoligami, hak seorang isteri dalam perceraian, dan pembahagian harta pusaka. Mereka berpendirian bahawa hak kaum wanita hanya akan terbela sekiranya poligami dihalang serta penilaian semula dilakukan terhadap kedudukan wanita dalam keluarga dan pembahagian harta pusaka. Walaupun mendapat tentangan daripada para ulama yang mewakili golongan pertengahan Islam, mereka

www.riffathassan.info/writing/IslamicTheologyofWomen/Woman_and_Mans_Fall.pdf; “Women’s Rights in Islam: Normative Teachings vs Practice,” dalam *Islam and Human Rights: Advancing a U. S- Muslim Dialogue* (2005), dapat dimuat turun daripada http://riffathassan.info/wp-content/uploads/2014/03/Womens_Rights_in_Islam-Normative_Teachings1.pdf; dan “Rights of Women: Muslim Practice versus Normative Islam,” dalam *Women’s Rights and Islam* (2003), dapat dimuat turun daripada http://www.riffathassan.info/writing/IslamicTheologyofWomen/Rights_of_Women_Muslim_Practice-versus.pdf.

6. Salah seorang tokoh utama dalam penubuhan *Sisters in Islam* (SIS), sebuah badan bukan kerajaan di Malaysia yang memperjuangkan hak-hak wanita. Beliau giat menyumbang sebagai kolumnis akhbar harian, khasnya yang berbahasa Inggeris seperti *The Star*, dan telah dijemput untuk menyampaikan syarahan tentang wanita dan Islam di pelbagai pentas peringkat antarabangsa.
7. Beliau secara khususnya memperjuangkan perubahan dalam perundangan Islam yang ditetapkan pada zaman Rasulullah s.a.w. yang menurut beliau hanya sesuai dengan budaya setempat, seperti: hak-hak wanita dalam perkahwinan dan perceraian—termasuk berpoligami—yang patut diperketatkan dan sistem pembahagian pusaka yang patut diubah. Antara buku-buku beliau adalah *Comparative Concept of Justice in Islamic and Western Legal-Political Thought: A Dual Heritage Affecting Gender Justice in Malaysia* (2009), *Islamic Family Law and Justice for Muslim Women* (2003), *Marriage and Divorce Law Reform Within Islamic Framework* (2000), “Polygamy: Not A God-Given Right to Muslims,” dalam *Malaysiakini* (2010).

Mahar dan Nafkah sebagai Hak Pemilikan Harta Wanita

terus-menerus mendesak supaya keputusan yang berani dilakukan dengan mengubah hukum sedia ada.

Dalam pada itu, penulisan yang jelas mengetengahkan peranan dan kedudukan wanita dalam Islam, khasnya berhubung dengan zaman moden, telah lebih dahulu dihasilkan oleh tokoh-tokoh seperti Sayyid Abul A'la al-Maudūdī, Yūsuf al-Qardāwī, Ajijola, Hamudah 'Abd al-Ati, dan Muhammad 'Abd al-Ra'ūf. Hasilnya, semakin banyak hak wanita telah diktiraf, seperti hak untuk keluar menuntut ilmu dan berkerja. Namun, gerakan-gerakan pejuang wanita masih tidak berpuas hati dan terus mendesak supaya hak-hak wanita dikaji semula, terutamanya yang melibatkan urusan dalam kekeluargaan.⁸ Rata-rata perbincangan mengaitkan dua golongan yang mengambil pendekatan berlawanan tentang isu wanita dalam Islam, iaitu: golongan tradisionalis (atau fundamentalis) dan golongan modenis (atau liberal). Secara umumnya, golongan tradisionalis atau fundamentalis mempertahankan pendirian bahawa wanita perlu mematuhi batasan yang telah ditetapkan oleh Shara'. Mereka juga digambarkan sebagai golongan yang tidak memberi peluang kepada wanita untuk menceburkan diri dalam masyarakat. Sementara itu, golongan modenis atau liberal pula memperjuangkan feminism dan kebebasan wanita. Dalam banyak keadaan, mereka mendesak supaya hukum-hakam tentang wanita dikaji semula demi memberikan kesamaan hak bagi kaum wanita berbanding dengan kaum lelaki. Kedua-dua golongan malah saling memandang rendah antara satu sama lain. Akibatnya, satu titik penyelesaian tidak dapat dicapai dan yang berlaku hanyalah tuduh-menuduh yang semakin mengelirukan umat Islam sendiri. Oleh kerana itu, isu-isu yang dibangkitkan perlulah dinilai semula dengan sewajarnya dan ditangani dengan baik.

8. Sila rujuk A. D. Ajijola, *The Concept of Family in Islam* (India: Adam Publishers & Distributors, 1999); Hammudah 'Abd al-Ati, *The Family Structure in Islam* (Petaling Jaya: The Other Press, 2008); Muhammad Abdul Ra'ūf, *The Islamic View of Women and the Family* (New York: Robert Speller, 1997); dan lain-lain.

Abdul Bari & Amilah / TAFHIM 8 (2015): 63–95

Dengan mengambil kira keadaan yang berlaku, perbincangan makalah ini mengetengahkan isu-isu tentang kesaksamaan—bukannya kesamarataan—hak antara lelaki dan wanita melalui kupasan yang lebih menyeluruh terhadap persoalan kedudukan wanita, terutamanya hak-hak istimewa berkaitan pemilikan harta dalam sesebuah keluarga. Keadaan ini penting untuk menunjukkan keseimbangan yang diberikan kepada kedua-dua jantina dalam Islam. Pendekatan ini jarang sekali diambil untuk menjelaskan peranan Islam dalam menangani permasalahan hak wanita yang kelihatan dipinggirkan dalam masyarakat. Secara lebih khusus, kajian ini membincangkan dua isu utama yang perlu dikupas sehubungan dengan hak wanita dalam institusi keluarga, iaitu: mas kahwin (*mahr*) dan nafkah (*nafaqah*). Kajian ini seterusnya memberikan gambaran yang benar berdasarkan sumber-sumber muktabar dan sekaligus dapat membetulkan amalan dalam masyarakat yang dilihat boleh membawa kepada salah faham terhadap ruh sebenar syiar Islam ini.

Kedudukan Hak Manusia dan Wanita dalam Islam

Islam ialah agama yang menjaga hak insan. Setiap insan telah diberikan hak tanpa mengira latar belakang agama, bangsa, warna kulit mahupun jantina atau gender. Islam mengambil berat tentang hak umum seseorang dan pada masa yang sama mengenal pasti hak khusus bagi setiap golongan yang mewakili kumpulan manusia yang berlainan. Islam telah mengiktiraf hak dan tanggungjawab sebagai dua perkara yang tidak dapat dipisahkan, malah sentiasa digandingkan; satu daripadanya tidak dapat dizahirkan dengan sempurna tanpa diseimbangkan dengan pasangannya. Hamdy 'Abd al-'Al telah menjelaskan bahawa hubungan antara hak dengan tanggungjawab adalah seperti kuasa (*sultah*) dan tugas (*mas'ūliyyah*). Kadar kekuasaan itu berdasarkan tugas atau peranan yang dimainkannya. Sekiranya seseorang itu tidak mempunyai kuasa tetapi melakukan tugas, maka dia dilihat

Mahar dan Nafkah sebagai Hak Pemilikan Harta Wanita

melakukan sesuatu yang tidak sepatutnya. Contohnya, seorang rakyat biasa melakukan tugas sebagai seorang pemimpin, maka semua perbuatannya walaupun baik tetap tidak diiktiraf. Sebaliknya, apabila seseorang mempunyai kuasa tetapi tidak melakukan tugas, maka kejahanan akan berleluasa. Seorang pemimpin yang tidak melakukan tugas dengan baik sudah tentu akan membawa negara ke arah kehancuran.⁹

Dari segi prinsip moral, sifat keseimbangan yang mencirikan ajaran Islam membolehkannya mendepani sebarang cabaran mendatang, malah secara langsung telah mencabar teori etika Barat yang terlalu menjurus ke arah memenuhi keperluan individu pada satu pihak, manakala pada pihak yang lain pula, menjadikan hak masyarakat sebagai satu-satunya matlamat dalam dasar moraliti manusia. Sejarah menunjukkan bahawa kaum wanita sering menjadi mangsa diskriminasi, bahkan kadang-kadang dizalimi. Seperti yang diketahui ramai, masyarakat Arab Jahiliyyah telah membunuh anak-anak perempuan dan menafikan hak wanita dalam masyarakat. Penindasan terhadap kaum wanita juga terus menjadi sumber berita dan bahan penulisan pada zaman moden ini. Dalam Islam, secara umumnya, golongan wanita telah mendapat hak yang sepatutnya, seperti hak untuk hidup, pemilikan, dan pengurusan harta. Islam mengecam mana-mana perbuatan zalim terhadap kaum wanita. Bahkan, dalam khutbah terakhir Rasulullah s.a.w., baginda mengingatkan tentang penjagaan hak wanita.

Kedudukan Mas Kahwin dan Peranannya dalam Pemilikan Harta Kaum Wanita

Mahar (*mahr*), atau mas kahwin, bermaksud satu pemberian yang diwajibkan oleh Allah ke atas setiap suami untuk isterinya. Perkara ini disandarkan kepada firman Allah:

9. Hamdy 'Abd al-'Al, *al-Akhlaq wa Mi'yāruhā bayna al-Wad'iyyat wa al-Dīn* (Kuwait: Dār al-Qalam, 1985), 145.

Abdul Bari & Amilah / TAFHIM 8 (2015): 63–95

وَأَنْثَا النِّسَاءَ صَدْقَاتِهِنَّ بِنْحَلَةَ فَإِذَا طَبَرَ لَكُمْ
عَزْ شَيْءٌ مِّنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ هَنِيئًا مَرِيشًا

Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu mas kahwin-mas kahwin mereka sebagai pemberian yang wajib. Kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian dari mas kahwinnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lazat lagi baik kesudahannya.¹⁰

Lafaz yang diguna pakai dalam ayat di atas adalah lafaz *amr*, iaitu perintah dan arahan yang jelas daripada Allah, yang membawa makna *qatī’*, dan tidak boleh dipertikaikan lagi kekuatannya. Hal ini menunjukkan bahawa Islam dari sejak awal lagi meletakkan wanita pada tempat yang istimewa. Perkara ini juga mendapat perhatian para fuqaha yang kemudiannya secara sebulat suara (*ijmā’*) menyatakan bahawa Allah menetapkan mas kahwin sebagai pemberian wajib atas setiap lelaki untuk perempuan yang bergelar isteri. Imām al-Māwardī menyebut bahawa ayat ini ditujukan kepada suami sebagai satu perintah daripada Allah untuk memberikan mas kahwin kepada isterinya.¹¹ Ayat itu dengan jelas menyandarkan perkataan mas kahwin kepada perempuan sebagai satu penegasan bahawa mahar merupakan hak mutlak pengantin perempuan. Perintah ini ditujukan kepada wali pengantin perempuan pada zaman jahiliyyah kerana mereka mengambil mas kahwin yang bukan hak mereka dengan meminggirkan hak pengantin perempuan ke atas mas kahwin tersebut. Ayat ini merupakan satu sempadan yang jelas untuk membezakan amalan orang Islam dan amalan orang jahiliyyah sebelum kedatangan Islam. Hal ini juga merupakan satu batas sempadan baharu yang membezakan Shari‘ah yang dibawa oleh Nabi Muḥammad dengan shari‘ah para nabi dan rasul

10. *Al-Nisā’*(4): 4.

11. Al-Māwardī, *al-Hāwi al-Kabīr* (Beirut: Dār al-Fikr, 1994), jilid 12, ms. 3.

Mahar dan Nafkah sebagai Hak Pemilikan Harta Wanita

terdahulu. Sejarah Nabi Mūsā dan Nabi Shū‘ayb a.s., seperti yang dicatatkan dalam al-Qur‘ān al-Karīm, menunjukkan bahawa mas kahwin dalam shari‘ah dan ajaran rasul terdahulu merupakan hak mutlak wali perempuan.

Mas Kahwin dalam Syariat Terdahulu seperti disebut oleh Al-Qur‘ān

Pemberian mahar dalam perkahwinan ada disebutkan secara tidak langsung dalam al-Qur‘ān. Antara contoh mas kahwin dalam syariat terdahulu adalah pengambilan upah berbentuk penggembalaan kambing dalam kisah perkahwinan Nabi Mūsā a.s. dengan anak perempuan Nabi Shū‘ayb a.s.. Al-Qur‘ān dalam *sūrah Al-Qasās* menjelaskan bahawa mas kahwin dalam perkahwinan tersebut adalah pengambilan upah menternak kambing untuk tempoh lapan tahun. Allah berfirman:

قَالَ إِنِّي أُرِيدُ أَنْ أُنْكِحَكَ إِحْدَى ابْنَتَيْ هَامَّيْنِ عَلَىٰ
أَنْ تَاجِنِي ثَمَانِيْ حِجَّةٍ فَإِنْ أَتَمْتَ عَشْرًا فَمِنْ
عَدِّكَ وَمَا أَرِيدُ أَنْ أُشْوِّقَ عَلَيْكَ سَتِّجِنْيِنِ إِنْ شَاءَ اللَّهُ
مِنَ الصَّالِحِينَ

Berkata bapa perempuan itu (Nabi Shū‘ayb) kepada (Nabi Mūsā): “Aku hendak mengahwinkanmu dengan salah seorang daripada dua anak perempuanku ini, dengan syarat bahawa engkau bekerja denganku selama lapan tahun; dalam pada itu, jika engkau genapkan menjadi sepuluh tahun, maka yang demikian itu adalah dari kerelaanmu sendiri. Dan (ingatlah) aku tidak bertujuan hendak menyusahkanmu; engkau akan dapati aku *in shā’ Allāh*, daripada orang-orang yang baik layanannya.”¹²

Keadaan ini membuktikan terdapat persamaan hukum antara syariat terdahulu dengan syariat yang dibawa oleh

12. *Al-Qasās* (28): 27.

Abdul Bari & Amilah / TAFHIM 8 (2015): 63–95

Rasulullah s.a.w berhubung dengan kewajipan memberi mas kahwin kepada wanita yang dikahwini. Ini secara langsung menunjukkan bahawa Islam telah mengiktiraf mas kahwin sebagai hak istimewa wanita yang tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Namun, yang membezakan syariat terdahulu daripada syariat yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w adalah peletakan mas kahwin sebagai milik mutlak wali dalam syariat terdahulu, sementara syariat Nabi Muhammad menetapkan mas kahwin sebagai hak mutlak seorang wanita yang bergelar isteri. Jika dilihat pada jumlah mahar ketika itu pula, bilangannya dikira dengan upah bekerja selama lapan tahun. Sekiranya diandaikan bahawa gaji selama sebulan adalah sebanyak RM500, ini bermakna mas kahwin Nabi Mūsā a.s. dengan anak perempuan Nabi Shū‘ayb a.s. adalah sebanyak RM48,000. Ini menunjukkan bahawa pemberian mahar begitu tinggi nilainya.

Bentuk Mas Kahwin yang Disebut dalam Al-Qur’ān dan Amalan pada Zaman Rasulullah

Dalam surah *Al-Nisā'*, Allah menggunakan perkataan *qintārā* dalam firman-Nya yang berkaitan dengan mas kahwin:

تَأْخُذُونَهُ وَقَدْ وَإِنْ أَرْدُتُمْ اسْتِبْدَالَ رَوْجَ مَكَارَ رَوْجَ
وَأَتَيْتُمْ إِحْدَاهُنَّ قِنْطَارًا فَلَا تَأْخُذُوا مِنْهُ شَيْئًا أَنَا أَخْذُونَهُ
هُنْتَانًا وَإِنَّمَا مُسِيَّا {20} وَكَيْفَ أَفْصَى بَعْضُكُمْ إِلَى بَعْضٍ
وَأَخْدُنَ مِنْكُمْ مِيشَاقًا غَلِيظًا {21}

Dan jika kamu hendak mengambil isteri (baharu) menggantikan isteri (lama yang kamu ceraikan) sedang kamu telah pun memberikan kepada seseorang di antaranya (isteri yang diceraikan itu) harta yang banyak, maka janganlah kamu mengambil sedikitpun dari harta itu. Patutkah kamu mengambilnya dengan cara yang tidak benar dan (yang menyebabkan) dosa yang nyata? {20}

Mahar dan Nafkah sebagai Hak Pemilikan Harta Wanita

Dan bagaimana kamu tergamac mengambil balik pemberian itu padahal kasih mesra kamu telah terjalin antara satu dengan yang lain, dan mereka pula (isteri-isteri kamu itu) telahpun mengambil perjanjian yang kuat daripada kamu? {21}¹³

Al-Tabarī mentafsirkan makna *qintārā* yang disebut dalam al-Qur'an sebagai harta yang banyak.¹⁴

Amalan Nabi seperti yang tercatat dalam buku hadis dan diterima pakai di sisi fuqaha menunjukkan mahar yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w. kepada para isteri baginda adalah sebanyak 500 dirham. Saidina 'Umar r.a. telah memberikan mahar kepada Ummu Kalthūm, anak perempuan 'Alī dan Fātimah, sebanyak 40,000 dirham.¹⁵ Sementara itu, 'Alī r.a. memberikan baju besi kepada Fātimah r.a. sebagai mas kahwin.¹⁶ Pada zaman Rasulullah s.a.w., kebun tamar turut dijadikan sebagai mas kahwin oleh sahabat baginda. Imām al-Bukhārī meriwayatkan bahawa mas kahwin yang diberikan oleh Thābit bin Qays r.a. kepada isterinya adalah berupa sebidang kebun tamar. Menariknya, apabila jumlah mahar yang disifatkan sebagai amalan sederhana oleh Rasulullah s.a.w., iaitu 500 dirham atau 50 dinar, ditukar ke nilai yang digunakan pada hari ini, maka gambaran yang diberikan adalah bahawa jumlah tersebut mempunyai nilai yang bermakna bagi wanita. Nilai satu dinar pada zaman awal Islam adalah seekor kambing. Oleh itu 50 dinar digandakan dengan RM700 (harga semasa kambing), maka jumlah yang diperolehi ialah RM35,000. Oleh itu, harga mahar bukanlah seperti yang digembar-gemburkan sebagai harga

-
13. *Al-Nisā'* (4): 20–21.
 14. Al-Tabarī, *Ājā'ib al-Bayān* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1992), jilid 8, ms. 12.
Al-Qurtubī, *al-Ājā'ib li Aḥkām al-Qur'añ* (Kaherah: Dār Kutub 'Arabī, 1967), jilid 5, ms. 101.
 15. Al-Shawkānī, *Nayl al-Awtār* (Kaherah: Maktabah al-Khayr, 2005), jilid 6, ms. 589.
 16. Ibn Kathīr, *Tafsīr Ibnu Kathīr* (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2004), jilid 2, ms. 243.

Abdul Bari & Amilah / TAFHIM 8 (2015): 63–95

yang rendah! Contoh-contoh amalan di atas menunjukkan bahawa mas kahwin bukan sahaja dinilai dari segi kadar atau harga barang yang dijadikan mas kahwin, bahkan dinilai berdasarkan makna barang tersebut dalam kehidupan. Baju besi dan kebun tamar adalah dua contoh barang yang tidak ternilai harganya. Baju besi merupakan lambang kepada usaha mempertahankan nyawa manakala kebun tamar merupakan sumber makanan asasi.

Terdapat sebuah kisah yang menarik tentang kadar mahar pada zaman pemerintahan Khalifah ‘Umar Al-Khattāb r.a.. Beliau bercadang untuk menggubal dasar tentang had pemberian mas kahwin kepada wanita iaitu serendah 400 dirham, walaupun beliau sendiri memberikan mas kahwin yang jauh lebih tinggi kepada isterinya. Ekoran daripada itu, seorang wanita telah memetik ayat al-Qur’ān sebagai hujah terhadap Saidina ‘Umar r.a. untuk membantah keputusan beliau. Jalan penghujahan wanita tersebut sebagaimana yang dikhaskan adalah seperti berikut:

يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ، نَهَيْتَ النَّاسَ أَنْ يَرْبُدُوا النِّسَاءَ
صَدَاقَهُمْ عَلَى أَرْبِعِمَائَةِ دِرْهَمٍ؟ قَالَ: نَعَمْ. فَقَالَتْ: أَمَا سَمِعْتَ
مَا أَنْزَلَ اللَّهُ فِي الْقُرْآنِ؟ قَالَ: وَأَيُّ ذَكْرٍ؟ فَقَالَتْ: أَمَا
سَمِعْتَ اللَّهُ يَقُولُ: وَاتَّهِمْ إِخْدَاهُنَّ قِنْطَارًا

“Wahai Amir al-Mu’mīn, adakah kamu melarang manusia untuk menaikkan mas kahwin perempuan melebihi 400 dirham?” Berkata (‘Umar): “Benar.” Berkata (wanita): “Adakah kamu tidak mendengar firman Allah dalam al-Qur’ān?” Berkata (‘Umar): “Apakah itu?” Berkata (Perempuan): “Adakah kamu tidak mendengar firman Allah (yang bermaksud): ‘Dan berikan setiap daripada mereka (isteri) qintāra (harta yang banyak).’”¹⁷

17. Imām Tarmidhī, *Sunan al-Tarmidhī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000), jilid 3, ms. 421.

Mahar dan Nafkah sebagai Hak Pemilikan Harta Wanita

Jelas sekali, wanita tersebut berhujah dengan mengatakan bahawa Allah memberikan mas kahwin sedangkan Saidina 'Umar r.a. cuba mengharamkan pemberian daripada Allah. Lalu, Saidina 'Umar mengakui kesilapannya dan membatalkan niatnya.

Berdasarkan dalil-dalil di atas serta amalan Rasulullah s.a.w. dan para sahabat baginda r.a., dapat disimpulkan bahawa pemberian mahar kepada wanita dalam perkahwinan adalah merupakan pemberian yang berharga. Para ulama juga sepakat mengatakan bahawa tiada had maksimum bagi mas kahwin seseorang wanita. Oleh sebab itu, mahar adalah salah satu sumber pemilikan harta bagi wanita; bahkan, mahar merupakan hak mutlak para isteri dan tiada sesiapapun berhak untuk mengambil manfaat daripada haknya itu tanpa keizinannya.

Kedudukan Hadis Mas Kahwin Sebentuk Cincin Besi

Pemahaman tentang mas kahwin dalam Islam biasanya dikaitkan dengan sepotong hadis Nabi s.a.w. seperti berikut:

أَئِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَاءَنِهُ امْرَأَةٌ، فَقَالَ: إِنِّي وَهَبْتُ نَفْسِي لَكَ، فَقَامَتْ طَوِيلًا، فَقَالَ رَجُلٌ: يَا رَسُولَ اللَّهِ—صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ—فَرَوَ جِنِيهَا إِنْ لَمْ تَكُنْ لَكَ بِهَا حَاجَةً، فَقَالَ: هَلْ عِنْدَكَ مِنْ شَيْءٍ تُنْصِدُهُ؟ فَقَالَ: مَا عِنْدِي إِلَّا إِذْارِي هَذَا، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِذْارَكَ، إِنْ أَعْطَيْتَهَا جَلَشتَ، وَلَا إِذْارَ لَكَ، فَالثَّمَنُ شَيْئًا؟ قَالَ: مَا أَجُدُ، قَالَ: فَالثَّمَنُ، وَلَوْ خَائِمًا مِنْ خَدِيدٍ قَالَ: فَالثَّمَنُ، فَلَمْ يَجِدْ شَيْئًا، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: هَلْ مَعَكَ مِنَ الْقُرْآنِ شَيْءٌ؟ قَالَ: نَعَمْ، سُورَةُ كَذَا، وَسُورَةُ كَذَا، لِسُورَةِ كَذَا، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: رَوْجُتُهَا بِمَا مَعَكَ مِنَ الْقُرْآنِ.

Abdul Bari & Amilah / TAFHIM 8 (2015): 63–95

Seorang perempuan menyerahkan dirinya untuk dikahwini Nabi kerana Allah. Rasulullah s.a.w. bersabda: “Aku tidak berhajat kepada perempuan.” Lalu seorang lelaki berkata: “Kahwinkanlah aku dengan perempuan itu.” Sabda baginda s.a.w.: “Engkau berikan perempuan itu sehelai pakaian.” Dia menjawab: “Aku tidak memilikinya.” Lalu baginda s.a.w. bersabda lagi: “Engkau berikanlah dia walau sebentuk cincin besi.” Lelaki itu menjawab: “Aku tidak memilikinya.” Baginda bersabda: “Adakah ayat-ayat al-Qur’ān yang engkau hafal?” Dia menjawab, “Ada, sebegini sebegini.” Bagindapun bersabda: “Aku kahwinkan engkau dengan perempuan itu dengan apa-apa yang kamu ada daripada al-Qur’ān.”¹⁸

Ramai yang menggunakan hadis ini sebagai sandaran bahawa mas kahwin wanita adalah rendah. Namun, apabila diperhatikan dengan lebih teliti, hal ini merujuk kepada keadaan terpencil, iaitu perihal seorang pemuda yang tidak berkemampuan dan dalam keadaan serba kekurangan, sedangkan ada wanita yang bersedia untuk dikahwini. Demi memenuhi tuntutan kedua-dua belah pihak, maka mas kahwin mesti diberikan walaupun sebentuk cincin besi. Oleh itu, keadaan ini menunjukkan bahawa mas kahwin perlu dikekalkan tanpa mengira status seseorang lelaki, dan bukan menjawab masalah tinggi atau rendahnya mahar.

Dalam hal yang berkaitan, iaitu menjadikan mushaf al-Qur’ān sebagai mas kahwin seperti yang disebutkan dalam hadis di atas, Imām al-Shāfi‘ī memberikan hujah seperti yang berikut:

إِنْ لَمْ يُكُنْ لَهُ شَيْءٌ يُضْدِفُهَا فَتَرْوِجَهَا عَلَى سُورَةٍ
مِنَ الْقُرْآنِ، فَالنِّكَاحُ جَائِزٌ، وَيُعْلَمُهَا سُورَةً مِنَ
الْقُرْآنِ

18. Ibid., 422.

Mahar dan Nafkah sebagai Hak Pemilikan Harta Wanita

Sekiranya seseorang itu tidak memiliki sesuatupun untuk diberikan sebagai mas kahwin, maka pernikahan tersebut harus dan sah dengan syarat dia mestilah mengajar wanita tersebut surah (dan ayat yang dimilikinya) daripada al-Qur'ān.¹⁹

Secara umumnya, para ulama selain Imām Al-Shāfi'ī juga bersepakat tentang maksud mengajarkan seseorang wanita itu dengan ayat-ayat al-Qur'ān. Perbuatan mengajarkan ayat-ayat al-Qur'ān pada ketika itu tentunya berlainan dengan keadaan sekarang. Pada ketika itu, sesiapa yang mempunyai ayat, bermakna dia menghafal, memahami dan mengamalkan al-Qur'ān. Apatah lagi, para sahabat ini merupakan sumber utama al-Qur'ān memandangkan mushaf al-Qur'ān masih belum dikumpulkan. Walaupun tiada wang ringgit yang terlibat, bagi mereka yang mempunyai kelebihan al-Qur'ān berserta ilmunya, maka ia memiliki kelebihan. Wanita yang ingin mempelajari ilmu al-Qur'ān juga terpaksa membayar upah bagi kelas pengajiannya. Maka, mas kahwin berbentuk al-Qur'ān bukan sahaja menunjukkan sesuatu yang bernilai dan penting bahkan boleh ditukar dengan bentuk wang ringgit seperti yang pernah berlaku dalam kehidupan Nabi Mūsā a.s. sebagai upah kerja untuk beberapa tempoh. Imām al-Tarmidhī pula menukarkan bahawa sesetengah ulama lain, termasuklah Imām Ahmad dan para ulama Kufah, mengatakan bahawa maksud hadis tersebut adalah pemberian *mahr mithlī*, iaitu: mengikut kadar mas kahwin saudara-saudara perempuannya yang telah berkahwin terlebih dahulu; atau yang dinilai sama dengan mas kahwin perempuan yang paling dekat dengan keluarga pengantin perempuan—seperti kakak dan emak saudara—and juga keadaan wanita tersebut dari segi pendidikan,kekayaan, kekeluargaan dan kecantikan.²⁰

19. Ibid.

20. Ibid.

Abdul Bari & Amilah / TAFHIM 8 (2015): 63–95

Dalam perkembangan yang berkaitan, ramai yang beranggapan bahawa mahar yang diberikan kepada isteri tidak perlu tinggi agar rumah tangga lebih diberkati. Andaian ini berasaskan sabda Nabi s.a.w.:

أَعْظَمُ النِّسَاءِ بَرَكَةً أَيْسَرُهُنَّ صَدَاقًا

Sebaik-baik nikah yang diberkati bagi seseorang wanita itu adalah yang paling mudah mas kahwinnya.²¹

Dalam sebuah hadis lain pula Nabi s.a.w. bersabda:

خَيْرُ التَّكَاحِ أَيْسَرُهُ

Sebaik-baik mas kahwin itu adalah yang paling mudah.²²

Namun, menurut *muhaqqiq* (editor) kitab *Musnad Imām Ahmad*, iaitu Shu‘ayb Al-Arnaut, maksud perkataan “*aysar*” adalah pertengahan dan kesederhanaan dan bukan melampau. Sementara itu, Imām Al-Shawkānī menyebut bahawa makna tersirat di sebalik hadis ini adalah supaya manusia tidak merumitkan perkahwinan.²³ Hadis ini merumuskan bahawa sebaik-baik mas kahwin adalah yang melambangkan kesederhanaan. Ini bermaksud, bukan sahaja perbuatan meninggikan mas kahwin sebagai tidak patut, bahkan merendahkan kadar mas kahwin daripada kesederhanaan adalah juga tidak digalakkan, kerana perbuatan demikian boleh menafikan hak wanita.

Daripada perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa mas kahwin merupakan satu pemberian ikhlas yang berharga kepada bakal isteri. Mas kahwin bukan sahaja terhad

-
21. Al-Hākim, *al-Mustadrak ‘alā al-Saḥīḥayn* (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2007), jilid 2, ms. 222.
 22. Imām Ahmad ibn Hanbal, *Musnad Imām Ahmad* (Beirut: Mu’assasat al-Risālah, 2001), jilid 30, ms. 315.
 23. Al-Shawkānī, *Nayl al-Awtār*, jilid 5, ms. 584.

Mahar dan Nafkah sebagai Hak Pemilikan Harta Wanita

kepada nilai wang ringgit, bahkan dengan barang-barang lain yang dianggap berharga pada wanita itu. Hal ini merupakan lambang kemuliaan wanita dari kaca mata seorang lelaki yang ingin mengahwininya. Mas kahwin bukanlah tuntutan daripada wanita, tetapi tuntutan daripada Allah. Seseorang lelaki yang ingin berkahwin sepatutnya menyediakan mas kahwin berdasarkan kemampuan dari lubuk hatinya yang ikhlas kepada wanita yang dicintainya dan juga sebagai penghargaan kepada wanita tersebut kerana telah menerima dirinya sebagai suami dalam hidupnya. Perkara ini sepatutnya jelas kepada setiap lelaki yang ingin mengahwini seseorang wanita. Perasaan saling memuliakan inilah yang menjadi asas penting bagi kerukunan kehidupan rumah tangga yang akan dibina.

Isu menyalimi pihak lelaki bukanlah isu asal dalam permasalahan mas kahwin ini. Pada dasarnya, wanita yang bertukar status menjadi seorang isteri berhak mendapat mas kahwin yang bersesuaian dengan dirinya. Isu ini sepatutnya tidak timbul kerana Islam juga menyarankan agar wanita yang ingin dikahwini sama taraf dengan bakal suaminya. Hal ini bermakna, seorang wanita daripada keluarga yang berada biasanya berkahwin dengan lelaki yang sama taraf dengannya atau yang lebih tinggi darjatnya. Tambahan pula, perkahwinan merupakan satu komitmen yang tinggi dan keputusan yang paling penting dalam kehidupan. Sudah tentu ia memerlukan satu persediaan yang rapi. Maka, persediaan kemampuan dari segi wang ringgit menjadi perkara utama bagi pihak lelaki, dan juga menjadi tuntutan dalam Islam dari sejak awal lagi. Komitmen sememangnya membawa tanggungjawab yang agak berat, demi menjamin hubungan yang bakal diikat. Komitmen adalah seperti membeli kereta dan rumah yang memerlukan pengorbanan wang ringgit dan tetap dilakukan kerana keperluannya sedangkan perkara sedemikian jauh kurang penting berbanding mempunyai isteri yang akan mengharungi susah dan senang bersama-sama.

Abdul Bari & Amilah / TAFHIM 8 (2015): 63–95

Adakah wajar bagi seorang lelaki yang berkira untuk memberikan mahar kepada isterinya dan tidak langsung berkorban demi perkara tersebut, sedangkan harga mahar tersebut dapat membawa rasa berterima kasih dan meniupkan semangat bagi si isteri untuk berkhidmat kepada suami dan keluarga yang akan dia miliki bersama suaminya? Bahkan dalam keadaan tertentu, isteri meminjamkan duit maharnya ketika si suami memerlukan bantuan untuk memulakan perniagaan atau duit muka rumah. Secara dasarnya, wanita yang bertukar status menjadi seorang isteri berhak mendapat mahar yang sesuai dengan dirinya. Isu menzalimi pihak lelaki bukan merupakan isu utama dalam permasalahan mahar ini. Isu tidak berkemampuan juga tidak timbul, kecuali apabila seseorang wanita dan walinya bersetuju untuk menggugurkan hak sekufu dari segi kebendaan kerana kelebihan lain yang terdapat pada lelaki tersebut, maka kedudukan lelaki itu yang kurang dari segi harta juga perlu dihormati. Dalam keadaan ini, pihak wanita perlu melakukan budi bicara yang sewajarnya dengan tidak meletakkan sandaran kepada harta dan wang ringgit semata-mata.

Pada masa yang sama, Islam sebagai agama yang mementingkan keluhuran budi pekerti menasihatkan bahawa para wanita dan wali tidak menetapkan mas kahwin secara keterlaluan, seolah-olah seperti menjual anak. Dasar akhlak perlu diambil kira dan jalan yang terbaik adalah menerusi perbincangan. Pemberian mas kahwin ini sepatutnya dihayati dengan makna yang lebih luas dan mendalam, iaitu memberikan keselesaan kepada wanita untuk meneruskan khidmat baktinya dalam alam perkahwinan. Sesungguhnya, mas kahwin merupakan satu sumber kepada pemilikan harta bagi wanita secara mutlak. Hal ini juga secara langsung meletakkan wanita pada tempat yang sesuai dalam semua keadaan sekaligus menjamin hak mereka. Jelaslah, bahawa Islam konsisten tentang penjagaan hak wanita.

Yang perlu dilakukan di Malaysia adalah melihat semula peranan dan kedudukan mas kahwin berbanding wang

Mahar dan Nafkah sebagai Hak Pemilikan Harta Wanita

hantaran. Seringkali kedengaran rungutan tentang kadar mas kahwin yang tinggi, sedangkan yang biasanya lebih tinggi dan justeru membawa kepada pembaziran yang nyata, namun kurang atau tiada diperkatakan, adalah wang hantaran atau perbelanjaan urusan perkahwinan. Walhal mahar dalam Islam jelas bertujuan menjaga hak pemilikan harta wanita dan sekaligus membantu memupuk sifat bersungguh-sungguh untuk bersama-sama suami dalam melayari rumah tangga yang dibina.

Wanita sebagai Penerima Nafkah

Sebagai agama yang sentiasa mementingkan kedudukan wanita, Islam telah menyediakan jalan yang jelas bagi kaum wanita, termasuk hak-hak yang berkaitan kewangan. Selain kedudukan mahar seperti yang telah dibincangkan di atas, nafkah juga memainkan peranan utama dalam menjaga kemaslahatan wanita. Bahkan Islam menjaga hak wanita untuk mendapatkan nafkah sebagai keperluan sara diri tanpa mengira kedudukan wanita tersebut. Nafkah secara istilahnya bermaksud semua keperluan asas manusia, seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal. Secara umumnya, semua sumber nafkah ini merupakan tanggungjawab yang perlu dipikul oleh kaum lelaki yang akhirnya dapat menyeimbangkan hak pemilikan harta antara lelaki dengan perempuan.

Nafkah Isteri

Perbincangan dimulakan dengan nafkah isteri kerana kedudukannya yang paling penting dalam menggambarkan hak wanita. Sumber hukum bagi nafkah wanita daripada suaminya adalah berdasarkan firman Allah:

الرِّجَالُ قَوْمٌ وَّالنِّسَاءُ بِمَا فَضَلَ اللَّهُ بَعْضُهُمْ عَلَىٰ
بَعْضٍ وَّبِمَا أَنفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ

Abdul Bari & Amilah / TAFHIM 8 (2015): 63–95

Kaum lelaki ialah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan kerana Allah telah melebihkan orang lelaki dengan beberapa keisitimewaan ke atas orang perempuan dan juga kerana orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian daripada harta mereka.²⁴

Ulama tafsir menjelaskan bahawa kelebihan lelaki yang disebutkan oleh Allah dalam ayat di atas berkaitan dengan peranan mereka sebagai pemimpin dan pengawal kepada kaum wanita, yang terikat dengan keadaan mereka yang membelanjakan harta-harta milik mereka masing-masing sebagai nafkah kepada isteri-isteri mereka.²⁵ Dari sudut lain, ulama tafsir seperti al-Qurtubī menegaskan bahawa kegagalan suami untuk melaksanakan tanggungjawab pemberian nafkah kepada isteri menjadikan mereka tidak lagi dianggap *qawwām al-nisā'*.²⁶ Dalam keadaan ini, kaum lelaki gagal mendapatkan anugerah Allah yang berbentuk kedudukan istimewa berbanding dengan kaum wanita.

Kedudukan wanita sebagai isteri juga dijelaskan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imām Muslim. Sabda Nabi s.a.w.:

فَأَنْتُمُ اللَّهُ فِي النِّسَاءِ، فَإِنَّكُمْ أَخْدُمُوهُنَّ بِإِمَانِ اللَّهِ،
وَاسْتَخْلِمُونَ فُرُوجَهُنَّ بِكَلْمَةِ اللَّهِ، وَلَكُمْ عَلَيْهِنَّ أَنْ
لَا يُؤْطِنَ فُرْشَكُمْ أَحَدًا تَكْرُهُهُ، فَإِنْ فَعَلَ دَلِيلٌ
فَأَصْرِبُوهُنَّ ضَرِبًا عَيْنَمْبَرِيَّ، وَلَهُنَّ عَلَيْكُمْ رِزْقُهُنَّ
وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

Bertaqwalah kepada Allah apabila mengendalikan urusan kaum wanita. Kamu mengambil mereka

24. *Al-Nisā'*(4): 34.

25. Al-Tabarī, *Jāmi' al-Bayān*, ms. 2.

26. Al-Qurtubī, *Al-Jāmi'*, jilid 18, ms. 168. Al-Suyūtī, *al-Ashbah wa al-Nazār* (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1983), 792.

Mahar dan Nafkah sebagai Hak Pemilikan Harta Wanita

dengan amanah Allah dan dihalalkan bagi kamu kemaluan mereka dengan kalimah Allah. Hak yang wajib ditunaikan oleh isteri kamu ialah mereka tidak membenarkan orang yang kamu benci masuk ke tempat tidurmu. Jika mereka melakukannya, pukullah mereka dengan cara yang tidak menyakitkan. Kewajipan kamu pula ialah memberikan nafkah dan pakaian yang sepatutnya kepada mereka.²⁷

Hadis ini menyentuh tentang tugas suami dan isteri yang dimulakan dengan gesaan supaya bertakwa kepada Allah. Hal ini menunjukkan bahawa tugasan yang digalas oleh suami dan isteri adalah berat dan perlu dijalankan dengan sebaik mungkin.

Bagi menjelaskan kewajipan nafkah suami terhadap isteri, Ibn Qudāmah²⁸ dan Ibn Rushd²⁹ menyatakan bahawa para ulama sepakat berpendapat bahawa apabila berlakunya ikatan perkahwinan, tanggungjawab pemberian nafkah oleh seorang bapa kepada anak perempuannya telah dipindahkan kepada suaminya. Allah dengan jelas menyebut bahawa seorang bapa wajib menanggung ibu, iaitu isteri yang menyusukan anaknya. Allah berfirman:

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أُولَادَهُنَّ حَوْلَنِينَ كَامِلَتِينَ
لَمَنْ أَرَادَ أَنْ يُمِيَّ الرَّضَاعَةَ وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقٌ
وَكَشْوَفُهُ بِالْمَعْرُوفِ

Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi yang hendak menyempurnakan penyusuan itu, dan kewajiban bapa pula ialah memberi makan

-
27. Muslim, *Sahīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 2010), jilid 2, ms. 889.
 28. Rujuk Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 9: 153.
 29. Rujuk Ibn Rushd, *Bidāyat al-Mujtahid* (Kaherah: Dār al-Salām, 2009), jilid 2, ms. 355.

Abdul Bari & Amilah / TAFHIM 8 (2015): 63–95

dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya.³⁰

Dari sudut yang lain, Islam menjelaskan bahawa kedudukan isteri dari segi kekayaan, kemiskinan, keturunan dan lain-lain tidak mempengaruhi kadar nafkah kerana faktor yang diambil kira adalah kemampuan suami. Allah berfirman:

لَيُنْقُضُ دُوْسَعَةٍ مِّنْ سَعْتِهِ وَمِنْ قُدْرَةِ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَأُنْيِنْقُ
مِمَّا أَنَا هُوَ لَا يَكْفِي اللَّهُ نَعْسَأ إِلَّا مَا أَكَاهَا سَيَجْعَلُ اللَّهُ
بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا

Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya, dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu), Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuannya) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.³¹

Perkara ini sekali lagi diseimbangkan dengan hak wanita ketika memilih suami, iaitu hak sekufu. Dalam Islam, bukan sahaja wanita diberikan kebebasan untuk memilih suaminya, bahkan Islam telah menjadikan hak sekufu sebagai hak yang khusus kepada para wanita. Wanita atau walinya bebas untuk menolak mana-mana pinangan daripada seorang yang lebih rendah statusnya daripada wanita itu dari pelbagai segi, antaranya adalah latar belakang sosial dan kekayaan. Dalam hal ini, Islam bersifat proaktif demi mengurangkan masalah yang mungkin berlaku di kemudian hari.

Pada masa yang sama, seorang suami pula tidak boleh memandang rendah terhadap isterinya walaupun isterinya itu

30. *Al-Baqarah* (2): 233.

31. *Al-Talāq* (65): 7.

Mahar dan Nafkah sebagai Hak Pemilikan Harta Wanita

datang daripada keluarga yang kekurangan dari segi kekayaan atau status, berbanding dengan dirinya. Nafkah yang patut dipenuhinya mestilah berdasarkan kemampuan diri. Keadaan ini lebih difahami dengan sokongan hak *kafā'ah* yang diberikan kepada wanita, iaitu hak untuk memilih seseorang yang sekufu dengannya. Dalam hadis lain yang diriwayatkan oleh Muslim, Rasulullah s.a.w. dengan jelas memberikan kebenaran kepada seorang isteri untuk mengambil harta suami jika nafkah yang diberikan itu tidak mencukupi. Hal ini menunjukkan bahawa suami bukan sahaja dituntut untuk mengeluarkan nafkah bagi isteri atau isteri-isterinya, bahkan dengan sebaik mungkin memberikan nafkah yang mencukupi, dengan syarat isteri menggunakan nafkah tersebut dengan makruf.

عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: دَخَلَتْ هِنْدُ بْنُتُّ عُثْنَةَ امْرَأَةً أَبِي سُفْيَانَ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ ابْنَ ابْنِي سُفْيَانَ رَجُلٌ شَحِيجٌ، لَا يُعْطِينِي مِنْ النَّفَقَةِ مَا يَكْفِينِي وَيَكْفِي بَنِي إِلَّا مَا أَخْذُ مِنْ مَالِهِ بِعِيرٍ عَلَيْهِ، فَهَلْ عَلَيَّ فِي ذَلِكَ مِنْ جُنَاحٍ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: حُذِيَ مِنْ مَالِهِ بِالْمُعْرُوفِ مَا يَكْفِي وَيَكْفِي بَنِيكَ.

Hindun binti 'Utbah berkata: "Wahai Rasulullah! Abu Sufyan seorang lelaki yang bakhil dan tidak pernah memberikan aku belanja yang mencukupi untukku dan anak-anakku melainkan aku mengambil daripadanya tanpa pengetahuannya. Adakah perbuatan aku itu dikira salah?" Rasulullah s.a.w bersabda: "Ambillah perbelanjaan untukmu dan anakmu secukupnya."³²

32. Muslim, *Sahīh Muslim*, jilid 3, ms. 338.

Abdul Bari & Amilah / TAFHIM 8 (2015): 63–95

Malah, dalam sepotong ayat al-Qur'ān, Allah s.w.t. berfirman:

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أُولَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَتْ
لَمْ أَرَادْ أَنْ يُتَمَّ الرَّضَاعَةُ وَعَلَى الْمُوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُ
وَكَسْوَتْهُ بِالْمَعْرُوفِ لَا تُكَلِّفْ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لِأَشْصَارِ
وَالدُّدُّ بِوَلَدِهَا وَلَا مُوْلُودُ لَهُ بِوَلَدِهِ وَعَلَى الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ فَإِنْ
أَرَادَ أَفْصَالًا عَنْ تَرَاضِ مِنْهُمَا وَتَشَاؤِرٌ فَلَا جُنَاحَ
عَلَيْهِمَا وَإِنْ أَرَدْتُمْ أَنْ تَسْتَرْضِعُوا أُولَادَكُمْ فَلَا جُنَاحَ
عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَمْتُمْ مَا أَتَيْتُمْ بِالْمَعْرُوفِ

Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi yang hendak menyempurnakan penyusuan itu, dan kewajiban bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Seseorang tidak dibebani melainkan menurut kadar kemampuannya. Janganlah seorang ibu menderita kesengsaraan kerana anaknya dan juga seorang ayah kerana anaknya, dan warispun berkewajipan sedemikian. Apabila keduanya ingin menyusu (sebelum dua tahun) dengan kerelaan dan perbincangan, maka tidak ada dosa atas keduanya. Dan jika kamu ingin anakmu disusukan oleh orang lain, maka tidak ada dosa bagimu apabila kamu memberikan pembayaran menurut yang patut.³³

Menurut Imām al-Tabarī, ayat mengenai penyusuan anak ini juga menunjukkan bahawa seorang bapa wajib memberi upah kepada bekas isteri yang menyusukan anak. Hukum wajib ke atas suami untuk memberi upah ini turut terpakti berkenaan wanita *ajnabiyyah* yang menyusukan anaknya.³⁴ Kenyataan ini menunjukkan bahawa terdapat hukum membayar upah kepada wanita yang menyusukan bayi tanpa mengira status wanita itu. Dalam pada itu, upah menyusu kepada ibu

33. *Al-Baqarah* (2): 233.

34. Al-Qurtubī, *Al-Jāmi'*, jilid 18, ms. 168.

Mahar dan Nafkah sebagai Hak Pemilikan Harta Wanita

yang berstatus isteri sudah sedia terangkum dalam hukum kewajipan suami memberi nafkah kepada isteri seperti yang dijelaskan pada permulaan ayat di atas.

Imām al-Suyūtī berpendapat bahawa kewajipan memberikan nafkah berasaskan perkahwinan berbeza dengan nafkah berasaskan pertalian keturunan. Nafkah berasaskan pertalian keturunan (*nafaqah al-aqārib*) melihat kepada kemampuan seseorang lelaki. Jika lelaki tersebut berkemampuan, dia wajib memberi nafkah; sebaliknya, dia tidak wajib memberikan nafkah jika tidak berkemampuan. Namun, keadaan ini berbeza dengan nafkah isteri kerana sekalipun suami tidak berkemampuan, kewajipan itu akan berkekalan. Kewajipan memberikan nafkah kepada seorang isteri dikira dari saat dia bergelar isteri dan tidak akan gugur dengan peredaran masa.³⁵ Dengan erti kata lain, kegagalan suami menunaikan kewajipan pemberian nafkah akan dianggap sebagai hutang ke atas diri suami.

Berdasarkan pendapat-pendapat yang telah dinyatakan di atas, isteri mempunyai hak mutlak untuk mendapatkan nafkah daripada suaminya. Keadaan ini kekal sama tanpa mengira kedudukan isteri sama ada bekerja ataupun tidak. Ini bermakna bahawa suami perlu memenuhi segala keperluan isteri manakala semua harta yang dimiliki isteri—baik mas kahwin mahupun mana-mana bentuk pemilikan harta seperti harta pusaka—tetap menjadi harta isteri yang kekal tanpa perlu dibelanjakan untuk keperluan asas kehidupan. Malah, sekiranya diambil kira keadaan kehidupan semasa, kos sara diri dan keluarga yang sangat tinggi yang kadangkala memakan harta bernilai ribuan atau puluhan ribu RM setiap bulan benar-benar memberi kesan yang besar kepada pemilikan harta kaum Adam. Tidakkah hal ini sekali lagi membuktikan bahawa bukan sahaja hak pemilikan harta wanita adalah terbelia dalam Islam bahkan, dalam banyak keadaan, wanita mempunyai harta yang lebih daripada lelaki? Keadaan ini

35. Al-Suyūtī, *al-Ashbah*, 792.

Abdul Bari & Amilah / TAFHIM 8 (2015): 63–95

sekali lagi menyangkal dakwaan bahawa Islam memberikan hak pemilikan harta yang lebih kepada lelaki.

Nafkah Wanita Selain Isteri

Selain isteri, Islam juga dengan jelas membela nasib kaum wanita secara umumnya. Malah, nasib ibu tunggal dan wanita yang tidak berkahwin juga terbela berdasarkan hukum-hakam Islam sebagaimana yang akan dihuraikan dalam perenggan-perenggan berikutnya.

Anak Perempuan

Islam telah menjelaskan bahawa tanggungjawab pemberian nafkah dan saraan anak baik lelaki maupun perempuan adalah tugas bapa sepenuhnya. Dalam *sūrah al-Baqarah*, Allah s.w.t. berfirman:

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أُولَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَتِينِ
لِمَنْ أَرَادَ أَبٌ بُيُّثَمَ الرَّضَاعَةَ وَعَلَى الْمَؤْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ
وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi yang hendak menyempurnakan, dan kewajipan bapa ialah memberi makanan kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya.³⁶

Dalam ayat ini, Allah menisbahkan anak kepada bapanya (*lāhu*) dengan menggunakan huruf *lām ikhtisās* yang bermaksud bapa dikhkuskan untuk bertanggungjawab memberi nafkah kepada anak-anaknya. Hal ini menunjukkan bahawa kewajipan memberi nafkah kepada anak adalah lebih utama atas bapanya berbanding ibunya.

36. *Al-Baqarah* (2): 233.

Mahar dan Nafkah sebagai Hak Pemilikan Harta Wanita

Pemberian nafkah antara anak lelaki dengan anak perempuan berbeza-beza mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Ibn Hajar menjelaskan bahawa kewajipan pemberian nafkah oleh bapa kepada anak lelaki adalah sehingga dia mencapai usia baligh, sementara pemberian nafkah kepada anak perempuan pula adalah sehingga dia berkahwin.³⁷ Sekiranya anak perempuan itu sudah sampai usia baligh dan telah dipinang oleh seorang lelaki namun hatinya masih belum terbuka untuk berkahwin, maka kewajipan nafkah ke atas bapanya akan berterusan.³⁸ Ini jelas menunjukkan bahawa nafkah terhadap anak perempuan adalah lebih terjamin berbanding dengan anak lelaki. Anak perempuan akan kekal menjadi saraan bapanya dan tiada umur maksimum bagi saraan tersebut kecuali setelah dia mendirikan rumah tangga yang menyebabkan tanggungjawab saraan tersebut berpindah kepada pihak suaminya pula. Walau bagaimanapun, sekiranya wanita itu diceraikan, tanggungjawab saraan akan kembali kepada pihak asal dalam keluarga, iaitu bapanya. Tugas pemberian nafkah oleh seorang bapa terhadap anak perempuannya akan kekal selagi anak tersebut belum berkahwin walaupun usianya telah lanjut. Jika bapanya telah tiada, tugas tersebut akan berpindah kepada datuk sebelah bapa dan ke atas. Sekiranya tiada, maka tugas menanggung anak-anak ini akan digalas oleh bapa saudara sebelah bapa. Kemudian, tugas tersebut akan diturunkan kepada saudara lelakinya sendiri. Semua ini jelas menunjukkan bahawa tugas menanggung kewangan sentiasa dipertanggungjawabkan atas keluarga sebelah bapa dan anggota keluarga lelaki.

-
37. Ibn Hajar, *Fath al-Bārī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ālamiyah, 2003), jilid 9, ms. 150.
38. Al-Ramlī, *Nihāyat al-Muhtāj* (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth, 1992), 219.

Abdul Bari & Amilah / TAFHIM 8 (2015): 63–95

Ibu

Kewajipan anak memberikan nafkah kepada ibunya dapat dilihat dalam perbincangan fuqaha berkenaan kewajipan *furu'* (ranting) kepada *usūlnya* (punca-asal), iaitu kewajipan anak memberikan nafkah kepada ibu-bapanya. Dalil Al-Qur'ān dalam surah *Luqmān*, sebagaimana berikut, menjadi asas dan teras kepada kesepakatan ulama terhadap kewajipan pemberian nafkah oleh anak kepada ibunya:

وَصَاحِبُهُمَا فِي الدِّينِ مَعْرُوفٌ

Dan bergaullah dengan mereka (kedua ibu-bapa) di dunia dengan cara yang baik.³⁹

Penegasan tentang kewajipan pemberian nafkah oleh anak kepada ibunya juga dapat dilihat dalam firman Allah:

إِلَّا إِيمَانٌ وَقَضَى رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا وَبِالْأَوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا

Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya (Allah) semata-mata dan hendaklah engkau berbuat baik kepada kedua-dua ibu-bapamu.⁴⁰

Al-Qurtubī berhujah bahawa kewajipan pemberian nafkah kepada ibu-bapa tetap berterusan sekalipun kedua-duanya berlainan agama dengan si anak.⁴¹ Berdasarkan nas ini, walaupun berlainan agama, anak wajib memberikan nafkah kepada ibunya, terutamanya jika ibunya miskin dan memerlukan bantuan.

Hadis Nabi s.a.w. juga menjadi asas dan teras kepada kewajipan anak dalam hal pemberian nafkah:

39. *Luqmān* (31): 15.

40. *Al-Isrā'* (17): 23.

41. Al-Qurtubī, *al-Jāmi'*, jilid 6, ms. 254.

Mahar dan Nafkah sebagai Hak Pemilikan Harta Wanita

قَالَ النَّبِيُّ —صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ— أَنْتُ وَمَالِكُ لِوَالدَّكَارَةِ
أَوْلَادُكُمْ مِنْ أَطِيبِ كَسْبِكُمْ فَكُلُوا مِنْ كَسْبِ أَوْلَادِكُمْ

Dirimu dan hartamu merupakan milik kedua-dua ibu-bapamu. Anak-anakmu adalah sebaik-baik hasil usahamu. Oleh itu, makanlah daripada hasil usaha anak-anakmu.⁴²

Hadis di atas jelas menunjukkan kewajipan pemberian nafkah oleh anak kepada ibunya. Dalam hadis lain pula, berhubung dengan kewajipan berbakti kepada ibu-bapa, Rasulullah s.a.w. menyebut tentang amalan melebihkan ibu berbanding dengan bapa.

Rasulullah s.a.w. ditanya: “Kepada siapa aku perlu berbuat baik?” Baginda menjawab: “Ibumu.” Rasulullah ditanya lagi, “Kepada siapa lagi?” Baginda menjawab: “Ibumu.” Rasulullah ditanya lagi, “Kepada siapa lagi?” Baginda menjawab: “Ibumu.” Rasulullah ditanya lagi, “Kepada siapa lagi?” Baginda menjawab: “Bapamu.”⁴³

Imām Al-Shawkānī menyimpulkan bahawa jika anak tidak mampu untuk menampung nafkah ibu dan bapanya, maka si anak wajib mengutamakan ibunya berbanding dengan ayahnya.⁴⁴ Pendapat ini dikongsi bersama-sama Al-Šan‘ānī yang menegaskan bahawa jika anak tidak berkemampuan memberi nafkah untuk kedua-dua ibu-bapanya akibat kesempitan hidup, maka anak wajib memberikan apa-apa yang ada untuk ibunya sahaja.⁴⁵ Pemberian nafkah kepada ibu merupakan ciri-ciri berbakti kepada ibu dan bapa dan Imām Al-Shawkāni menegaskan bahawa mengutamakan

42. Abū Dawūd, *Sunan Abī Dāwūd* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 2001), jilid 3, ms. 312.

43. Al-Bukhārī, *Sahīh al-Bukhārī*, jilid 8, ms. 2.

44. Al-Shawkānī, *Nayl al-Awtār*, jilid 6, ms. 237.

45. Al-San‘ānī, *Subul al-Salām* (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2007), jilid 3, ms. 176.

Abdul Bari & Amilah / TAFHIM 8 (2015): 63–95

ibu daripada bapa merupakan keputusan yang disepakati ulama.⁴⁶ Jelas di sini bahawa wanita sebagai ibu diutamakan berbanding dengan lelaki sebagai bapa.

Dalam Islam, ibu wajib dihormati dan anak wajib berbakti kepadanya. Kewajipan anak berbakti kepada ibunya melewati sempadan agama. Rasulullah s.a.w. menegaskan bahawa hukum berbakti kepada ibu merupakan kewajipan yang kekal walaupun berlainan agama. Ketetapan hukum ini berdasarkan sabda Nabi s.a.w. sebagaimana yang dinukilkhan oleh Asmā' binti Abū Bakr r.a.:

عَزِيزٌ أَسْمَاءُ بَنْتُ أَبِي بَكْرٍ قَالَتْ قَدِيمَتْ عَلَيَّ أُمِّي وَهِيَ مُشْرِكَةٌ فِي عَهْدٍ قُرِيبَتْ إِذْ عَاهَدَهُمْ فَاسْتَشْفَتْ رَسُولَ اللَّهِ—صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ—قَوْلَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَدِيمَتْ عَلَيَّ أُمِّي وَهِيَ رَاغِبَةٌ فَأَفْأَلْ أُمِّي قَالَ: نَعَمْ صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Asmā' mengkhabarkan bahawa beliau didatangi ibunya walhal dia merupakan wanita musyrik yang belum memeluk agama Islam. Ketika itu, perjanjian damai antara orang Islam dengan orang kafir musyrik telah termeterai. Kemudian aku (yakni, Asmā') meminta fatwa daripada Rasulullah s.a.w. dengan berkata: "Wahai Rasulullah! Ibuku datang sedangkan ibuku membenci Islam. Adakah aku perlu menghubungkan silaturrahim dengannya?" Lantas, baginda menjawab: "Ya, hubungkanlah silaturrahim dengan ibumu (walaupun berbeza agama)."⁴⁷

Jika seseorang ibu diceraikan atau kematian suami, dia akan dikembalikan kepada keluarga asal, iaitu bapanya atau saudara-saudara lelakinya, manakala anak-anaknya pula menjadi tanggungjawab bekas suami atau saudara lelakinya. Sekali lagi, Islam zahir sebagai penyelamat kaum wanita.

46. Al-Shawkānī, *Nayl al-Awtār*, jilid 6, ms. 237.

47. Muslim, *Sahīh Muslim*, jilid 3, ms. 81.

Mahar dan Nafkah sebagai Hak Pemilikan Harta Wanita

Penutup

Makalah ini membuktikan bahawa kesaksamaan hak sentiasa menjadi tema utama Islam. Namun kesaksamaan bukan bermakna kesamaan antara gender dalam semua sudut kehidupan. Yang lebih penting, Islam meletakkan keutamaan dalam urusan memenuhi tuntutan agama yang diterjemahkan dalam kehidupan seharian manusia. Maka setiap insan, dengan mengambil kira perbezaan jantina, telah disusun dengan tanggungjawab tertentu yang bersesuaian dengan fitrah kejadian mereka. Berasaskan susun-atur ini, baik wanita maupun lelaki telah diberikan ruang dan hak masing-masing yang tersendiri. Hak kaum lelaki adalah kedudukan mereka di barisan hadapan, yang dilihat lebih bersesuaian dengan keadaan diri mereka berbanding dengan kaum wanita. Walau bagaimanapun, wanita juga diberikan hak istimewa. Dua hak istimewa wanita yang diketengahkan dalam kertas kerja ini adalah mahar dan nafkah, yang terbukti mampu melonjakkan kedudukan wanita pada amnya, termasuk secara khususnya dalam pemilikan harta yang mendapat banyak kritikan.

Makalah ini telah membuktikan bahawa Islam begitu mengambil berat kehidupan peribadi wanita, dan secara lebih khusus lagi, hak-hak yang melibatkan harta. Kertas ini juga menolak sangkaan bahawa Islam meminggirkan wanita dari segi kedudukan kewangan dan pemilikan harta. Perbuatan mengubah hukum yang telah ditetapkan Allah tidak akan menyelesaikan masalah, bahkan boleh mengakibatkan ketidakseimbangan hak dalam masyarakat. Penghayatan nilai-nilai dan hukum-hakam Islam perlulah diamalkan dan dihormati oleh semua pihak dengan memenuhi tuntutan syariat dan akhlak. Orang-orang Islam semuanya hendaklah menerima pensyariatan Islam dengan ikhlas dan berlapang dada. Apatah lagi apabila diteliti dengan mendalam, Islam membawakan kehidupan yang tersusun demi kebaikan manusia itu sendiri. Dalam hal kedudukan wanita dalam Islam, sekiranya semua tuntutan Islam berkenaan hak wanita

Abdul Bari & Amilah / TAFHIM 8 (2015): 63–95

dipenuhi, maka nasib mereka akan terbelah, bahkan mereka boleh berdiri sama tinggi dengan kaum lelaki, bukan sahaja dari segi maruah dan kedudukan, bahkan dari segi pemilikan harta. Inilah yang dimaksudkan bahawa Islam merupakan agama yang membawa rahmat untuk sekalian alam.

Meskipun Islam menyatakan bahawa bukan tanggungjawab wanita untuk mencari nafkah, hal ini tidak bermakna Islam melarang wanita untuk keluar bekerja; malah, selagi mereka mampu menjaga diri mereka, wanita perlu diberikan hak dan kebebasan. Walau bagaimanapun, perlu juga disedari dan ditegaskan bahawa kaum wanita sepatutnya memandang pengecualian tanggungjawab untuk mencari nafkah ini sebagai penghargaan dan keutamaan yang telah Islam berikan kepada mereka dalam kehidupan; bahkan, sekiranya mereka tetap juga ingin menggalas tanggungjawab tersebut, maka mereka sesungguhnya telah menambahkan beban ke atas pundak mereka di samping tanggungjawab hakiki mereka sebagai isteri dan ibu. Tegasnya, apa-apa jua bentuk penindasan atau diskriminasi antara gender merupakan satu jenayah dalam Islam. Sesungguhnya, layanan buruk terhadap wanita bukan berpunca dari ajaran Islam, sebaliknya dari kelemahan manusia yang tidak menghayati ajaran Islam dan beramal mengikut kehendak Islam.

Setelah meneliti keadaan sebenar yang berlaku, yang lebih diperlukan adalah pemerkasaan kedudukan lelaki sebagai pemimpin dan ketua keluarga yang dilihat semakin pudar dan merosot. Keadaan wanita yang dirundung malang sebenarnya berpunca daripada golongan lelaki yang tidak menunaikan tanggungjawab mereka dengan baik. Perlukah wanita berdiri di hadapan, sekiranya kaum Adam dapat menjalankan tugas mereka dengan baik? Meletakkan wanita di belakang lelaki sebenarnya merupakan satu bentuk kemuliaan dan bukannya penghinaan! Inilah keseimbangan unik yang cuba diterapkan Islam. Namun, perlu diingatkan bahawa hubungan antara lelaki dan wanita dalam Islam bersifat saling lengkap-melengkapi demi kesajahteraan hidup pada semua peringkat.

Mahar dan Nafkah sebagai Hak Pemilikan Harta Wanita

Syariat Islam menunjukkan bahawa dua jenis makhluk Allah ini saling perlu-memerlukan antara satu sama lain. Penciptaan manusia kepada kaum Adam dan Hawa bukanlah untuk saling musuh-memusuhi, berlumba-lumba, dan berhasad-dengki. Apa sahaja yang membawa kepada keadaan buruk ini perlu ditegah kerana kehidupan manusia yang diinginkan Islam adalah kehidupan yang harmoni dan saling harga-menghargai bukan sahaja dalam hubungan antara lelaki dan wanita, bahkan dalam semua hubungan yang melibatkan pelbagai lapisan umur, budaya dan latar belakang sosial.

Islam sebagai agama yang menghormati keterbukaan dalam berijtihad juga meletakkan batasan-batasan tertentu dalam berijtihad. Sesuatu perkara atau hukum yang jelas dalam shara' perlu dikekalkan sedapat mungkin, bukan sahaja kerana ianya merupakan arahan daripada Allah, bahkan kerana maknanya yang besar dalam kehidupan manusia. Sekiranya perubahan dilakukan terhadap sesuatu sistem, maka sedikit demi sedikit perubahan itu akan meruntuhkan agama itu sendiri sebagai sistem yang terbaik bagi seluruh manusia. Inilah keindahan falsafah Islam yang sepatutnya dihayati dan dihargai oleh semua umat Islam, bukan dengan cara menimbulkan sengketa dan kekeliruan dalam masyarakat.